

Pak Ajis seniman terbilang tinggal kenangan

Rakyat Malaysia sudah sinonim dengan nama Abdul Aziz Sattar ataupun dikenali sebagai Ajis dalam filem Melayu era 1950. Lakonan yang mantap dan meninggalkan kesan kepada penonton dalam filem-filem beliau. Gandingan Abdul Aziz bersama Seniman Negara, Allahyarham Tan Sri P Ramlee dan Allahyarham S Shamsuddin sebagai trio *Bujang Lapuk* menjadi antara watak ikonik dalam dunia sinematik Melayu.

Filem-filem yang dilakonkan oleh Allahyarham banyak berunsurkan ilmiah ataupun nasihat tentang perjalanan hidup manusia. Walaupun filem pada era 50-an, namun kanak-kanak zaman kini masih lagi menonton cerita ini apatah lagi *astro prima* sentiasa menyiarkan filem-filem yang diterajui oleh seniman-seniman yang hebat dan berbakat. Filem-filem seperti ini tidak pernah malap dalam kalangan masyarakat bahkan diadaptasi juga dalam filem Upin dan Ipin.

Dialog baling batu dalam Pendekar Bujang Lapuk

Antara filem yang paling popular dan diingati yang dilakonkan oleh Pak Ajis ialah *Bujang Lapuk* (1957), *Seniman Bujang Lapuk* (1961), *Pendekar Bujang Lapuk* (1959) dan *Ali Baba Bujang Lapuk* (1960). Dan masih tergiang-tergiang antara



Antara adegan lucu Pak Ajis, P Ramlee dan S Samsudin dalam filem *Pendekar Bujang Lapuk*.

dialog yang dilakonkan oleh beliau ketika dibaling batu dalam filem *Pendekar Bujang Lapuk*:

Ajis: Pakcik, diorang lempar batu kat kepala saya.

Pendekar Mustar: Kenapa kau tak elak?

Ajis: Macam mana nak elak, silat elak batu belum diajar.

Adapun babak ketika Ajis membaca surat dalam filem ini yang

mana mereka bertiga buta huruf.

P Ramlee: Apa da terpusing-pusing
Ajis: Cari dia punya kepala la. Sekali syair.. alikisah, tersebutlah kisah, sang kancil menghadap ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Firaun.

P Ramlee: Cit! Mana Firaun pakai sultan.

Itulah antara dialog yang menarik perhatian dan mencuit hati penonton dan peminat filem

Melayu yang dilakonkan oleh Pak Ajis, ada juga dialog yang menjadi ikutan anak muda zaman kini.

Ini menandakan masyarakat tidak lupa dan tidak jemu untuk menonton walau berkali-kali. Pak Ajis juga pernah menjadi perompak dalam filem *Nujum Pak Belalang* yang mana wataknya yang tidak pandai mengira ketika membahagikan duit ketika di dalam gua.

Kehebatan beliau diiktiraf menerusi beberapa anugerah yang

“

Pak Ajis juga pernah menjadi perompak dalam filem *Nujum Pak Belalang* yang mana **wataknya tidak pandai mengira ketika membahagikan duit ketika di dalam gua**”

dirangkulnya antaranya Filem Komedi Terbaik (1981), Anugerah Seniman Veteran (1994), Anugerah Seniman Veteran (Lelaki) ketika Majlis Anugerah Bintang Popular (2000), Anugerah Artis Sepanjang Zaman (2013).

Seniman legenda

Datuk Aziz Sattar juga dikurniakan Darjah Panglima Jasa Negara pada tahun 2007.

Datuk Aziz Sattar adalah seniman legenda kepada negara kita. Semoga jasa dan bakat yang ditaburkan oleh beliau dikenang dan dihargai. Itulah penghargaan yang dibuat oleh beliau kepada negara hasil bakatnya yang semula jadi yang tak lekang dek panas tak lapuk dek hujan.

Raja Siti Zaharah Raja Ismail,
Universiti Sains Islam Malaysia